

# **MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI DAN ANGGOTA MATRA 1 SERTA MAJLIS PERSARAAN ANGGOTA AWAM**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/1721-majlis-pemakaian-pangkat-pegawai-dan-anggota-matra-1-serta-majlis-persaraan-anggota-awam](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/1721-majlis-pemakaian-pangkat-pegawai-dan-anggota-matra-1-serta-majlis-persaraan-anggota-awam)

Majlis pemakaian pangkat pegawai dan anggota dari MATRA 1 telah disempurnakan oleh Ketua Matra 1, YBhg Lt Kol Muhammad Hood bin Elias TUDM. Majlis yang berlangsung di Bilik Mesyuarat MATRA 1 turut disaksikan oleh Pegawai dan anggota dari MATRA 1.

Antara yang dinaikan pangkat adalah LT M Muhammad Khairulazmi bin Marzuki TUDM telah dinaikkan pangkat ke Leftenan TUDM manakala KPL U Mohd Rozaimie Al Hafiz bin Yahya dinaikkan ke pemangku SJN U. Seterusnya, LUK Cairil Izwan bin Jamhari dan LUK Amir Azli bin Mohamad dinaikkan ke pemangku KPL U serta LU I Wan Hafizuddin bin Wan Hasan, LU I Amirul Azmi bin Lamri, LU I Felixster Anak Entiran, LU I Lee Kian Cheong dan LU I Muhammad Zulhilmy bin Ismail dinaikkan ke LUK. Tahniah diucapkan kepada pegawai dan anggota yang telah dinaikkan pangkat.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati dan penghargaan kepada anggota awam, CIV Nurmah binti Abdul Kadir yang akan menamatkan perkhidmatan setelah 8 tahun berkhidmat di MATRA 1. MATRA 1 mengucapkan jutaan terima kasih atas khidmat yang diberikan dan mendoakan semoga beliau terus maju dalam bidang yang diceburi pada masa akan datang.

